

TEL : (088) 294100
FAKS : (088) 217094



ISTANA
88500 KOTA KINABALU
SABAH
MALAYSIA

RUJ. KAMI: ISTANA: 500-1/1/ Klt.9 (111)

TARIKH: 22 Disember 2009

Kepada Penerima
Darjah-Darjah Kebesaran Dan Bintang-Bintang
Serta Pingat-Pingat Negeri Sabah

DARJAH-DARJAH KEBESARAN DAN BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT NEGERI SABAH

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.


2. Sukacita dimaklumkan, Pejabat ini ingin menarik perhatian YBhg.Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk menyemak senarai nama yang telah dianugerahkan Pingat serta Bintang Kebesaran Negeri Sabah mulai tahun **1990 hingga 2008** melalui alamat Laman Web <http://www.bintang.sabah.gov.my>. Sekiranya nama YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan tersenarai dipohon untuk menghubungi Pejabat ini melalui talian telefon 088-294109 dan 088-253832 (Cik Marina Hj.Mohd Zain) untuk memberikan butiran lengkap seperti Alamat Surat-Menyurat/Perhubungan dan Nombor Telefon untuk memudahkan Pejabat ini menghubungi YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan pada masa hadapan untuk dipanggil mengikuti Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang serta Pingat-Pingat Negeri Sabah. Pihak YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan juga **boleh mengambil Bintang-Bintang/Pingat-Pingat serta sijil tanpa mengikuti istiadat** seperti tersebut di atas pada bila-bila masa waktu pejabat.

3. Di atas kerjasama pihak yang YBhg.Datuk/Datin/Tuan/Puan didalam perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”

Saya yang menurut perintah,


(IBRAHIM MOHD ASRY)
Timbalan Setiausaha Sulit
b.p Setiausaha Sulit Kepada TYT